



→ SIHAT



Sebagai ibu bapa, kita perlu memberikan sokongan kepada anak dengan memastikan mereka menjalani program pertuturan selepas pembedahan."

Suzana Zaily Zin,
Ibu Iman Aisyah

Telinga bionik atasi masalah pekak

● Iman Aisyah mampu bertutur selepas jalani prosedur implan koklea

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@NSTP.com.my

Harus membawa anak perempuannya berjumput doktor kerana sering demam dan mengalami sawan, merungkai permasalahan sebenar yang dialami anaknya.

Dunia Suzana Zaily Zin, 43, terasa gelap ketika dimaklumkan satu-satunya anak perempuannya, Iman Aisyah Saharom yang baru berusia satu setengah tahun disahkan mengalami pekak tahap dua.

Iman Aisyah didapati hanya boleh mendengar bunyi yang kuat seperti kapal terbang, guruh atau gegaran berbanding bunyi biasa.

"Sebagai ibu, sukar untuk menerima kenyataan itu kerana selama ini anak saya ada mengeluarkan suara termasuk menangis apabila berebut mainan dengan tiga abangnya.

"Keadaan ini memberi tekanan hebat sehingga timbul keinginan untuk menyerahkannya kepada ibu saya tetapi tidak jadi apabila melihat tiga abangnya melayan Iman Aisyah dengan mesra seolah-olah tiada langsung masalah komunikasi," katanya.

Harapan untuk anaknya mendengar dan bertutur menjadi kenyataan apabila pada tahun 2008, anak kecil itu menjalani pembedahan implan koklea atau dikenali sebagai telinga bionik.

Prosedur membaikkan telinga

kanan dan ditanam di belakang kepala ketika usianya mencapai tiga tahun.

Tahap pendengaran mengikut jarak

Iman Aisyah mula boleh mendengar setiap demi setiap bermula dengan jarak semeter ke hadapan, dua meter dan setingga jarak pendengaran bagi individu normal.

Pembedahan kedua membabitkan telinga kiri dijalankan pada tahun 2015 iaitu ketika anaknya berusia sepuluh tahun.

Ketika Iman mula melangkah ke sekolah tadika, sebaik selepas pembedahan pertama, beliau sempatkan anak kecil kerana pertuturnya tidak begitu lancar berbanding rakan lain seusianya.

"Mulanya memang sukar untuk Iman Aisyah menjalani kehidupan seperti kanak-kanak biasa, namun saya bersyukur kerana sehingga kini pembelajarannya berjalan lancar seperti biasa.

"Sebagai ibu bapa, kita perlu memberikan sokongan kepada anak dengan memastikan mereka menjalani program pertuturan selepas pembedahan," katanya.

Suzana ditemui pada pelancaran program 'Hear and Be Heard' anjuran Institut Telinga, Pendengaran dan Pertuturan (I-HEARS), Universiti Kebangsaan Malaysia

(UKM) dan Yayasan Sime Darby (YSD).

Pantau perkembangan pendengaran

Sebelum itu, Ahli Majlis Tertinggi YSD, Tan Sri Datuk Seri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin menyatakan cek berjumlah RM300,000 kepada Institut Telinga, Pendengaran dan Pertuturan

(I-HEARS) yang diwakili oleh Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali.

Sumbangan itu bagi membolehkan I-HEARS mengajarkan program selama tiga tahun termasuk siri seminar kesedaran, bengkel untuk ibu bapa dan kursus jangka pendek untuk ahli profesional.

Sementara itu, Pengarah I-HEARS, Prof Dr Siti Zamratol-Mai Sarah Mukari, berkata purata umur untuk mengenal pasti kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah antara tiga bulan sehingga enam bulan.

"Intervensi awal penting bagi meningkatkan peluang kanak-kanak mencapai perkembangan pendengaran normal.

"Kemahiran perkembangan bahasa dan pertuturan adalah asas untuk membolehkan mereka mengakses sistem pendidikan sejajar dengan kanak-kanak normal dan seterusnya mencapai potensi mereka," katanya.

Info

Membantu kanak-kanak pekak

- Mendengar
- Bertutur
- Menjalani kehidupan normal.

Hasil kajian I-HEARS

- 50 peratus pelajar pekak terpaksa menggunakan sekolah merengah.

- Tahap membaca yang sangat rendah.
- 30 peratus menggunakan sekolah secara soliter kerana buta bunyi.
- I-HEARS ditubuhkan pada 2013.
- Kesinambungan daripada program implan koklea.
- 465 kes pembedahan dan rehabilitasi masalah pendengaran.



Dr Wan Mohd Zahid (tempat kanan) menyampaikan sumbangan bernilai RM300,000 kepada Dr Noor Azlan Ghazali sempena pelancaran Program 'Hear And Be Heard' di Bangunan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Juga turut werna, Penyenara Impulan Koklea, Kai Xin (tiga ketiga dari kanan) dan Mohd Idris Md Rom (tiga ketiga dari kiri) dan Iman Aisyah (tengah).

